

Cari Kata Kunci



KAKITANGAN yang dilantik oleh SPR membuat persiapan di Pusat Penamaan Calon PRK N.27 Balakong hari ini. - Foto BERNAMA

Tiada keperluan mansuhkan PRK



Oleh Mohd Azone Sarabatin
azrone@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Cadangan memansuhkan Pilihan Raya Kecil (PRK) untuk menjimatkan perbelanjaan tidak wajar dilaksanakan kerana bercanggah Perlembagaan Persekutuan dan menggugat demokrasi di negara ini.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga ehwal undang-undang, Tan Sri Dr Rais Yatim, berkata tidak sepatutnya PRK dimansuhkan hanya kerana mahu menjimatkan perbelanjaan kerana proses demokrasi tidak boleh dibandingkan dengan wang ringgit.

Katanya, mengikut Perkara 54 (1) Perlembagaan Persekutuan, PRK perlu diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan, namun secara lazimnya, jika tempoh kurang daripada dua tahun sebelum berakhir tempoh penggal pilihan raya, ia tidak perlu diadakan.

"Ia (PRK) wajar diteruskan kerana bertepatan Perlembagaan Persekutuan. Hormatilah perlembagaan dan teruskan PRK selagi tiada pindaan undang-undang untuk memansuhkannya diputuskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara," katanya kepada NSTP, hari ini.



BEKAS Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga ehwal undang-undang, Tan Sri Dr Rais Yatim. - Foto Nurul Syazana Rose Razman

Beliau yang juga pakar undang-undang diminta mengulas perkembangan semasa selepas PRK Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis, dua lagi PRK menyusul iaitu DUN Balakong dan DUN Seri Setia yang diadakan serentak pada 8 September ini, hanya selang beberapa bulan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), 9 Mei lalu.

Kerusi DUN Seri Setia kosong apabila penyandangnya, Prof Datuk Dr Shaharuddin Badaruddin meninggal dunia, 2 Ogos lalu, manakala PRK DUN Balakong pula diadakan berikutan kematian wakil rakyat kawasan itu, Eddie Ng Tien Chee akibat kemalangan jalan raya pada 20 Julai lalu.

Sebelum ini, Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Othman Mahmood dilaporkan berkata, kos mengendalikan PRK DUN Balakong dan DUN Seri Setia berjumlah RM3 juta, satu jumlah agak besar yang boleh digunakan bagi tujuan lain demi manfaat rakyat.

Seorang penganalisis politik, Dr Ainul Adzelle Hasnul pula dilaporkan berkata, penilaian semula harus dibuat, sama ada perlu PRK dibuat sekiranya wakil rakyat atau penyandangnya meninggal dunia atau digubal undang-undang jika wakil rakyat meninggal, wakil parti boleh dilantik menggantikannya sehingga tamat tempoh penggal itu.

Bagi Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Dr Khairil Azmin Mokhtar, cadangan supaya wakil rakyat, sama ada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Parlimen yang meninggal dunia atau hilang kelayakan digantikan dengan wakil parti diwakilinya tidak wajar dilaksanakan.

Ini kerana katanya, seseorang ADUN atau Ahli Parlimen dipilih rakyat dan ada antara mereka memenangi pilihan raya atas faktor pengaruh calon bukan parti politik diwakilinya.

Beliau berkata, keadaan menjadi rumit sekiranya kerusi kosong berkenaan membabitkan wakil rakyat yang memenangi kerusi berkenaan atas tiket Bebas.

"PRK wajar diteruskan serta tidak boleh sewenang-wenangnya kerusi kosong diisi dengan individu lain sekiranya berlaku kematian atau hilang kelayakan seseorang 'Yang Berhormat' (YB) tidak kira mereka dalam kalangan ADUN atau Ahli Parlimen," katanya.